

03 JAN 1997

Rencana Bernama

APA YANG TAK KENA DALAM KEMPEN MENABUNG?

Oleh: FAIROS NAZRI

KUALA LUMPUR: Kempen menabung sudahpun bermula setelah pelancaran oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bulan lalu, namun kad kredit dan kad caj masih digunakan dengan berleluasa mengakibatkan ramai rakyat terus dihimpit masalah kewangan, apa lagi untuk menabung.

Masalah ini cukup serius hingga timbul persoalan apakah kerajaan tidak bertindak bertentangan dengan kempen bila pada ketika yang sama, TIDAK menyekat penggunaan sewenang-wenangnya "wang plastik" ini.

Perangkaan membuktikan betapa berleluasanya penggunaan kad-kad ini: Sehingga 30 Sept lepas, terdapat dua juta pemegang kad kredit dan 250,000 pemegang kad caj di negara ini.

Dalam pada itu, pada 1992, seramai 58,498 orang dihadapkan ke mahkamah kerana gagal menjelaskan hutang mereka dan 2,121 pemegang kad diisytiharkan muflis oleh mahkamah.

Sehingga tarikh yang sama, perbelanjaan dan pendahuluan wang tunai melalui kad kredit berjumlah RM6.68 bilion manakala penggunaan kad caj pula bernilai RM1.43 bilion.

Inilah hakikat membimbangkan mengenai tabiat berbelanja melebihi had dan amalan suka menggunakan kad kredit sebagai saluran untuk berhutang, serta pengurusan kewangan yang lemah.

Malaysia kini mencatatkan kadar keculasan kad kredit sebanyak 12 peratus, iaitu dua kali purata dunia.

Jumlah urus niaga kad kredit meningkat kepada 44.8 peratus daripada RM2.9 bilion sehingga Jun tahun lepas kepada RM4.2 bilion pada tempoh yang sama tahun ini.

Dan sehingga Jun 1996, jumlah baki tertunggak ialah RM698 juta, sementara baki kadar faedah yang belum dijelaskan mencapai RM295 juta atau 42.3 peratus daripada jumlah pembayaran lewat.

Memandangkan hal ini dan mudahnya kad kredit diperolehi, bolehkah kerajaan menggalakkan rakyatnya menabung?.

"Sudah tentu tidak. Ia sama sekali tidak menggalakkan para pengguna menabung, malah kad kredit merangsang individu berbelanja lebih," kata Dr T. Chelliah, Setiausaha Persatuan Pengguna Wilayah Persekutuan dan Selangor (SFTCA) yang juga bekas pensyarah Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.

"Bagaimana hendak menggalakkan seseorang menabung, sedangkan tiada kawalan terhadap penggunaan kad kredit?," tambahnya.

Beliau menegaskan bahawa jika kerajaan serius dalam kempen menabung, ia perlu memperketat syarat penggunaan kad kredit, jika tidak tujuan asal kempen tidak akan tercapai.

"Sebagai contoh, jika seseorang berbelanja RM1,000 hingga RM2,000 sebulan menggunakan kad kredit, ia tidak akan menyelesaikan masalah kerana ia akan hanya kembali kepada pokok persoalan. Ini tidak membantu seseorang untuk menabung malah penggunaan kad kredit lebih menyenangkan seseorang berbelanja tanpa berfikir," ujar beliau lagi.

Dr Chelliah menggariskan beberapa langkah tegas yang wajar diambil oleh kerajaan dalam mengawal penggunaan kad kredit.

+ Meningkatkan kadar bayaran balik bagi baki tertunggak bulanan dari 15 peratus ke 50 peratus, di samping mengenakan bentuk faedah lain untuk baki-baki yang lain.

+ Menghadkan kredit siling pemegang kad;

+ Mengurangkan rangkaian penerimaan kad kredit memandangkan ia kini boleh digunakan di merata-rata tempat;

- + Mengenakan syarat hanya satu kad kredit untuk seorang;
- + Melarang segala bentuk iklan dan promosi kad-kad kredit dalam media cetak dan elektronik;

Sementara itu, Profesor Madya Dr Zulkefly Osman dari Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia, mengesyorkan supaya kerajaan mengenakan beberapa langkah untuk membendung sikap berbelanja di kalangan pemegang kad:

- + Pendapatan minimum pemegang kad kredit ialah sebanyak RM36,000 setahun dan bukannya RM24,000.
- + Peratusan pembayaran balik baki hutang dinaikkan dari 15 peratus sekarang ke 20 peratus.

Dr Zulkefly berkata, pemegang kad perlu mengawal, menghad dan merancang penggunaan kad dengan betul supaya mereka tidak tersentak apabila menerima bil.

Bagaimanapun, dalam mengawal inflasi dan membendung sikap belanja berlebihan di kalangan pemegang kad, kerajaan Malaysia mengenakan beberapa langkah. Langkah-langkah itu ialah:

- + Pembayaran minimum untuk baki hutang bulanan dinaikkan dari 10 ke 15 peratus, berkuatkuasa Januari 1995.
- + Cukai perkhidmatan RM50 setahun, dikenakan ke atas kesemua bentuk kad kredit bertujuan menggalakkan sikap berhati-hati.

Dengan dua juta kad kredit, dianggarkan kerajaan memperolehi RM100 juta setahun dari cukai itu.

Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan Tan Sri Clifford F. Herbert baru-baru ini menyatakan bahawa cukai perkhidmatan RM50 itu merupakan langkah berhati-hati bagi membendung belanja berlebihan memandangkan kerajaan mendapati ramai orang semakin cuai dan sesetengahnya pula menanggung kadar faedah yang tinggi disebabkan hutang yang gagal dijelaskan.

Untuk mengawal situasi berbelanja menggunakan kad kredit, Bank Negara Malaysia (BNM) mengumumkan satu garis panduan untuk syarikat-syarikat kad kredit yang boleh menyebabkan para pemegang kad menjimatkan bayaran faedah jika mereka menjelaskan bayaran dengan cepat.

Apapun, yang penting dalam menentukan kejayaan kempen menabung ialah mengatasi kelemahan yang terdapat, dan serentak itu kerajaan menjamin faedah yang munasabah bagi mereka yang menabung wang lebih di bank. -
Bernama

RR/RS